

**Kapal "Spirit of Rachel Corrie" dibenar berlabuh di El Arish  
Utusan Online  
Julai 06, 2011**

KUALA LUMPUR 6 Julai – Kapal bantuan kemanusiaan MV Finch, juga dikenali sebagai "Spirit of Rachel Corrie", telah dibenarkan berlabuh di Pelabuhan El Arish di Mesir pada jam 7.10 malam (waktu Mesir) semalam.

Presiden Perdana Global Peace Foundation (PGPF), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau diberitahu oleh anggota PGPF yang berada di El Arish untuk menyelia operasi bahawa mereka telah memunggah paip PVC, seberat 32 tan metrik ke tujuh treler dan akan menghantarnya segera ke Gaza.

Kargo bantuan itu mengambil masa hampir empat jam untuk dipindahkan ke treler dan akan dibawa ke Ouja di sempadan Israel di mana ia akan dipindahkan ke treler lain pula yang ditaja oleh pihak Palestin untuk diangkut ke Gaza melalui Karem Shalom.

"Saya berharap kerajaan baru Mesir akan terus menyokong usaha kita dalam menghulur bantuan kepada rakyat Palestin khususnya di Gaza yang berada dalam kepungan oleh rejim Tel Aviv sejak 2007," kata beliau dalam kenyataan dikeluarkan PGPF di sini hari ini.

Beliau juga melahirkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Mesir, Dr Essam Sharaf, yang beliau temui di Kaherah minggu lepas, kerana menolong mempercepatkan proses. – Bernama

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0706&pub=utusan\\_malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_45.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0706&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_45.htm&arc=hive)